

## **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN SEMENTARA BAS PERSIARAN / KERETA SEWA DAN PANDU**

1. Pemohon mesti mempunyai lesen perniagaan pelancongan dalam negeri yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992.
2. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang 1 (Subperaturan 3(1))** bagi bas persiaran dan **Borang 2 (Subperaturan 3(1))** bagi kereta sewa dan pandu.
3. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen sokongan seperti yang dinyatakan dalam Borang 1 (Subperaturan 3(1)) bagi bas persiaran dan Borang 2(Subperaturan 3(1)) bagi kereta sewa dan pandu. Borang tersebut mestilah ditandatangani oleh Pengarah dan dilengkapi dengan cop syarikat.
4. Borang yang lengkap hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pelesenan melalui Pejabat Pelesenan Wilayah yang berkenaan.
5. Menyertakan fi pemerosesan sebanyak RM 50.00 bagi setiap permohonan dalam bentuk Bank Draf / Kiriman Wang / Wang Pos atas nama Pesuruhjaya Pelancongan.
6. Had maksimum bagi lesen sementara adalah 6 bulan sahaja.
7. Sebarang kompaun mestilah dijelaskan sebelum permohonan dapat diproses (Jika ada).

### **Dokumen sokongan**

- a. Surat syarikat yang menyatakan tujuan permohonan dan tempoh lesen sementara yang dipohon.
- b. Salinan kad pendaftaran kenderaan yang hendak dilesenkan sementara sebagai kenderaan pelancongan.
- c. Surat sokongan dari pihak yang berkaitan ( Jika ada )